

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HGG 451 Perancangan Pembangunan Wilayah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. "Ketidakseimbangan berpunca daripada penyebab kumulatif aglomerasi modal dan kemajuan teknikal, bergabung jalin dalam proses pertumbuhan dan pembangunan" (Malecki, 1991).
Bincangkan pernyataan ini dalam konteks pembangunan wilayah maju dan mundur di sebuah negara membangun yang anda pilih.
(25 markah)
2. "Pengenalpastian industri utama merupakan rintangan utama kepada strategi kutub pertumbuhan" (Armstrong dan Taylor, 1985).
Dengan merujuk kepada contoh-contoh di Malaysia bincangkan kesahihan pernyataan ini.
(25 markah)
3. (a) Huraikan maksud "potensi peribumi" dalam konteks pembangunan wilayah.
(10 markah)
(b) Bincangkan bagaimana idea ini boleh diterapkan dalam strategi pembangunan wilayah terkebelakang di negara membangun.
(15 markah)
4. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu di negara perindustrian huraikan ciri-ciri penting taman sains/teknologi. Apakah pembangunan wilayah berasaskan teknologi di Malaysia boleh menghasilkan kesan-kesan seperti yang diharapkan?
(25 markah)

5. (a) Pada pendapat anda apakah yang dimaksudkan dengan "pembangunan wilayah berdasarkan keusahawanan"?
(10 markah)
- (b) Bagaimanakah idea ini boleh diterjemahkan kepada strategi untuk membangunkan wilayah mundur di Malaysia?
(15 markah)
6. (a) Pada pendapat anda apakah alasan di sebalik Perancangan Pembangunan Wilayah di Malaysia?
(10 markah)
- (b) Sejauhmanakah alasan-alasan ini selaras dengan tiga matlamat Perancangan Pembangunan Wilayah seperti yang diketengahkan oleh Thirwall (1974)?
(15 markah)

-ooooOOOooo-